

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN,  
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

---

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 7 (20)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS  
(PENGGAL 2018-2020)  
BILANGAN 10 TAHUN 2020**

**Tarikh** : 30 November 2020 (Isnin).  
**Masa** : 10.30 Pagi – 12.13 Tengahari.  
**Tempat** : Dewan Bunga Tanjung,  
**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.**

**Hadir** : Seperti dilampiran kehadiran.

---

1. **DOA**

Doa telah dibacakan oleh Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. **TAYANGAN VIDEO**

Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 13 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan November 2020.

3. **PERUTUSAN Pengerusi**

YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan syukur Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Illahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga, sahabat dan mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari pengakhiran.

Terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Pengarah, pegawai serta warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berjalan lancar dan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Perkhidmatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akan terus dilaksanakan dengan amalan norma baharu dan pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Sehubungan itu, beliau memohon kerjasama semua pihak agar dapat menyediakan perkhidmatan yang terbaik buat warga Petaling Jaya dan dalam masa yang sama menggalakkan pelanggan berurusan secara atas talian. Informasi lanjut boleh dilayari di laman portal Majlis di pautan [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) bagi mengelakkan penyebaran Covid-19 berlaku di kawasan Petaling Jaya.

### 3.1 MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA TERIMA PENGIKTIRAFAN PENARAFAN 5 BINTANG

Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SBP-PBT) yang dahulunya dikenali sebagai Sistem `Star Rating` Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-59 adalah bertujuan untuk menilai tahap penyampaian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan SPB-PBT bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2018 manakala bagi Sabah dan Sarawak pada tahun 2019. Justeru, pencapaian bagi sesi 2018/2019 ini adalah penutup kepada pelaksanaan SPB-PBT di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RM Ke-11).

Pada 5 November 2020, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah memperolehi penarafan 5 Bintang bagi Penganugerahan Bintang Penyampaian Perkhidmatan PBT dengan markah keseluruhan yang diperolehi sebanyak 97.6 peratus. Penganugerahan penarafan untuk edisi kali ini diadakan secara dalam talian di laman pengstriman Facebook Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dengan markah keseluruhan yang diperolehi, menjadikan MBPJ meraih tempat pertama PBT di negeri Selangor dan keempat bagi keseluruhan PBT diseluruh negara.

Indikator penilaian SPB-PBT pada kali ini masih mengekalkan empat kriteria dan tujuh belas sub kriteria sepertimana SPB-PBT yang terdahulu. Empat kriteria utama yang dinilai adalah Pengurusan, Perkhidmatan-Perkhidmatan Teras, Pengurusan Pelanggan dan Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk.

Majlis beriltizam untuk terus memberikan perkhidmatan perbandaran yang lebih cekap selaras dengan ekspektasi tinggi daripada pemegang taruh (stakeholders) MBPJ. Selain itu, Majlis akan sentiasa memantapkan tadbir urus dan sistem perkhidmatan yang terbaik ke arah memacu Majlis ke arah bandar raya pintar, mampan, berdaya tahan dan dinamik menjelang 2025.

### 3.2 ANUGERAH PENGHARGAAN BANDAR MAMPAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menjadi juara bagi Anugerah Penghargaan Bandar Mampan bagi Kategori Bandaraya bersempena dengan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia, peringkat kebangsaan pada 10 November 2020.

Sejak anugerah ini diperkenalkan pada tahun 2007, Majlis telah mencapai tahap mampan sehingga kini. Pada tahun 2015 sehingga tahun 2019 Majlis telah memenangi Anugerah Bandar Mampan serta Anugerah Khas Pencapaian Konsisten Status Mampan dengan tahap kemampanan 99%. Majlis juga telah memenangi Anugerah Inisiatif Kejiranan Hijau (Pejalan Kaki), Anugerah Inisiatif Kejiranan Hijau (Laluan Basikal), Anugerah Inisiatif Kejiranan Hijau (Kebun Komuniti), Anugerah Inisiatif Kejiranan Hijau (Pengkomposan) dan menerima Anugerah Khas Pilihan Menteri Wilayah yang membawa pulang piala pusingan sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia pada tahun 2018.

MURNInets ini merupakan satu-satunya kaedah bagi mengukur tahap kemampanan bandar di Malaysia. Pencapaian kemampanan bandar dinilai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLAMMalaysia dan diukur menerusi aplikasi Sistem Gerbang MURNInets dengan menggunakan piawaian yang telah ditetapkan.

Pengukuran dibuat berkaitan aspek 6 Dimensi utama dengan menggunakan 39 petunjuk. Antara Dimensi yang terlibat adalah:-

1. Dimensi Ekonomi Berdaya Saing seperti kadar pertumbuhan tenaga buruh dan pelaburan swasta.
2. Dimensi Kualiti Alam Sekitar Mampan seperti penjana sisa pepejal per kapita, kualiti udara dan inisiatif pengurusan alam sekitar.
3. Dimensi Komuniti Sejahtera seperti penyediaan rumah mampu milik, kes jenayah indeks dan pengiktirafan premis makanan grad A.

4. Dimensi Gunatanah dan Sumber Asli Optimum seperti penyediaan kawasan lapang, penyediaan hutan simpan kekal dan inisiatif pelancongan.
5. Dimensi Infrastruktur dan Pengangkutan Efisien seperti penyediaan stesen/ terminal bersepadu dan kadar peningkatan kitar semula.
6. Dimensi Urustadbir Efektif seperti kadar kutipan hasil, perbelanjaan penyelenggaraan dan peratusan perbelanjaan.

Pada tahun lepas, Majlis sekali lagi tampil cemerlang dengan memprolehi markah keseluruhan sebanyak 99% dan telah dinobatkan sebagai juara bagi kategori bandaraya diikuti tempat kedua Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) dan ketiga Perbadanan Putrajaya (PPj). Kejayaan ini adalah berdasarkan inisiatif yang dijalankan seperti :

- a) Anugerah Komuniti Mampan yang menggalakkan komuniti Petaling Jaya menjalankan inisiatif bagi melokalisasikan Sustainable Development Goals (SDGs).
- b) Anugerah Universal Design yang memberi galakan kepada pemilik-pemilik premis bangunan menyediakan aksesibiliti dan kemudahan kepada semua golongan.
- c) Projek Pemutihan Kawasan 'Blackspot' yang memberi impak kepada penurunan kadar jenayah, PBT pertama di Malaysia yang ditauliahkan ISO 45001:2018 bagi Sistem Pengurusan Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar;
- d) Program Bandaraya Mesra Kanak-Kanak yang memperkasakan golongan kanak-kanak dalam perancangan dan pengurusan bandar;
- e) Program Hari Tanpa Kenderaan ke arah bandaraya rendah karbon dan gaya hidup sihat;
- f) Program Pemutihan Aktiviti Perniagaan di kawasan kediaman bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang berdaya saing dan selesa; dan
- g) 'Branding' PJKITA menggunakan platform digital bagi menggalakkan tindakan ke arah kemampanan secara bersama di antara Majlis dan 'stakeholders' melalui konsep perkongsian pintar dan penyampaian maklumat.

### 3.3 INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS)

Audit Pemantauan kedua MS ISO 27001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (Information Security Management System- ISMS) oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. ke atas MBPJ telah dilaksanakan dengan jayanya pada 16 dan 17 November 2020.

Berdasarkan audit pemantauan itu, tiada Laporan Ketakakuran yang dilaporkan oleh Pasukan Audit Sirim QAS International Sdn. Bhd. dan mengesyorkan diteruskan pensijilan tanpa pindaan. Skop pensijilan ISMS adalah meliputi 'Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Maklumat Elektronik Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang merangkumi proses Cukai Taksiran dan Aduan Awam'.

Beliau ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan. Semoga semangat kerjasama berpasukan ini dapat dikekalkan pada masa akan datang. Syabas dan tahniah diucapkan.

#### 3.4 STRATEGI BAJET 2021

Bajet Majlis Bandaraya Petaling Jaya tahun 2021 adalah dirangka berlandaskan kepada strategi hasil cukai taksiran berdasarkan kepada jumlah pegangan harta yang aktif bagi tahun 2020, jangkaan tambahan pegangan harta baru pada tahun 2021 dan pengubahsuaian hartanah berdasarkan keluasan dan kegunaan ruang lantai.

Selain itu, bagi kadar nilai tahunan dan kadar cukai taksiran adalah tidak berubah. Hasil cukai taksiran juga telah disemak semula berdasarkan unjuran pendapatan sebenar yang boleh dikutip pada tahun 2021 di mana Majlis tidak mengambil kira pengecualian cukai yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada rumah kos rendah dan juga rumah kampung yang berjumlah RM 5.8 juta.

Bagi hasil bukan cukai pula adalah berdasarkan kepada punca hasil sedia ada. Penyediaan bajet bagi kategori hasil bukan cukai adalah berdasarkan kepada prestasi sebenar tahun 2019 dan juga prestasi separuh tahun 2020. Kadar hasil lesen, denda dan kompaun, fi dan caj adalah sama seperti tahun 2020. Majlis juga mengkaji punca hasil baru yang dijangka boleh dikutip pada tahun 2021.

Bagi perbelanjaan mengurus pula ianya tidak melebihi daripada jumlah hasil yang dijangka akan dikutip bagi tahun 2021. Berdasarkan penyediaan bajet 'Zero Based Budgeting', setiap peruntukan perbelanjaan mengurus adalah diperiksa dengan teliti. Kelulusan peruntukan adalah bergantung kepada pelaksanaan aktiviti mengikut kemampuan Majlis.

Untuk anggaran perbelanjaan pembangunan, ianya telah disediakan dengan mengambilkira kemampuan dan kedudukan kewangan semasa serta kemampuan jabatan teknikal untuk pelaksanaan projek pada tahun hadapan. Majlis memfokus kepada kerja/projek penyelenggaraan yang telah dikenalpasti oleh jabatan sebagai keutamaan yang perlu dilaksanakan terutama yang mempunyai kadar aduan yang tinggi.

Terdapat projek pembangunan yang dibiayai oleh peruntukan Akaun Amanah. Sumber kutipan akaun amanah diterima daripada Kerajaan Negeri ataupun sumbangan daripada pemaju. Perbelanjaan melalui akaun amanah telah dinyatakan secara khusus di dalam Surat Ikatan Amanah (Trust Deed) sewaktu penubuhannya. Jumlah perbelanjaan Akaun Amanah adalah setakat mana kutipan yang diterima oleh Majlis.

### 3.5 **BIL CUKAI TAKSIRAN : MBPJ LAKSANAKAN SECARA ELEKTRONIK DI APLIKASI ECUKAI@MBPJ**

Menjelang tahun 2021, Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan terus mengorak langkah ke arah transformasi digital bagi perkhidmatan PBT selaras dengan teknologi hijau dan memanfaatkan sepenuhnya teknologi generasi kelima (5G). Keperluan kepada transformasi dan inovasi terkini dalam penyampaian perkhidmatan bukanlah lagi satu pilihan akan tetapi ianya dilihat menjadi suatu keperluan.

Justeru, bermula pada penggal 1 Tahun 2021 bil cukai taksiran boleh dimuat turun secara elektronik melalui aplikasi ecukai@mbpj. Aplikasi ini memberikan perkhidmatan semakan bil cukai taksiran, pembayaran dan juga pertukaran alamat surat-menyurat. Pengguna juga boleh memuat turun aplikasi ecukai@mbpj melalui 'Google Play Store dan Apple Store'.

Peralihan serahan bil cukai taksiran secara fizikal kepada bil elektronik ini akan memudahkan kepada lebih 250 000 pemilik harta di Petaling Jaya. Sepanjang tahun 2020 (Januari 2020 – Oktober 2020) Majlis menerima lebih kurang 2,000 bil yang dikembalikan kerana tidak dapat diserahkan kepada pemilik harta disebabkan alamat tidak lengkap dan menghadapi pelbagai masalah ketika penyerahan bil yang menggunakan alamat harta tanah kosong. Aduan orang awam yang tidak menerima bil pada tahun ini sebanyak 1,067 juga dapat diatasi dengan adanya aplikasi ini.

Aplikasi ini turut menyediakan integrasi dengan epay@mbpj dan kepada pemilik harta boleh membuat pembayaran bil cukai taksiran mereka secara atas talian dengan hanya menggunakan kad kredit, kad debit atau FPX. Melalui platform ini, pengemaskinian pembayaran

melalui aplikasi ecukai@mbpj adalah secara 'real time' dan ianya dapat mengurangkan pergerakan masyarakat berurusan di kaunter Majlis.

Selain itu juga, pengurusan operasi dan sistem penyampaian Majlis yang efisien dapat dipertingkatkan lagi menerusi penggunaan teknologi secara berkesan kepada pelanggan. Penjimatan kos operasi dijangka sebanyak RM 800,000 setahun jika tiada lagi penghantaran bil cukai secara fizikal yang diamalkan seperti sebelum ini.

Aplikasi yang dibangunkan ini sangat mudah digunakan kepada semua pengguna. Setiap penambahan akaun cukai taksiran dalam aplikasi ini hanya menggunakan nombor akaun cukai dan nombor fail rujukan sahaja. Kepada pengguna yang inginkan tatacara penggunaan aplikasi secara lebih mendalam, boleh memuat turun e-panduan di laman web Majlis [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my).

### 3.6 OPERASI PENGUATKUASAAN DAN TINDAKAN DI PETALING JAYA

#### 3.6.1 OPERASI PENGUATKUASAAN KE ATAS AKTIVITI PEMBUANGAN SAMPAH HARAM DI KAWASAN PETALING JAYA

Majlis telah melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan bagi membanteras aktiviti pembuangan sampah haram di sekitar Petaling Jaya. Operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah merangkumi kawasan-kawasan hotspot pembuangan yang telah dikenalpasti. Objektif pelaksanaan tindakan penguatkuasaan ini adalah bagi mendidik masyarakat Petaling Jaya agar lebih prihatin terhadap isu-isu kebersihan persekitaran di samping memastikan bandar raya Petaling Jaya kekal mampan, berdaya tahan dan dinamik.

Selaras dengan pelaksanaan Petaling Jaya sebagai bandar raya pintar, Majlis telah menempatkan CCTV mudah alih (mPOD) di beberapa lokasi sekitar Petaling Jaya bagi memudahkan pemantauan. Hasil daripada operasi yang telah dijalankan sepanjang bulan Oktober 2020, sebanyak 61 tindakan kompaun telah dikeluarkan. Manakala pada tahun 2020, sebanyak 287 tindakan kompaun telah dikeluarkan.

#### 3.6.2 OPERASI PENGUATKUASAAN BAGI MEMBANTERAS AKTIVITI PENIAGA WARGA ASING DIKAWASAN PETALING JAYA

Majlis telah melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan bagi membanteras aktiviti-aktiviti perniagaan yang

dikendalikan oleh warga asing di sekitar Petaling Jaya. Semakan yang dilaksanakan merangkumi aktiviti-aktiviti perniagaan tred tanpa lesen, penjaja dan pasar awam.

Operasi-operasi penguatkuasaan ini akan diteruskan bagi memastikan tiada penglibatan warga asing di dalam aktiviti-aktiviti perniagaan yang dilarang oleh pihak berkuasa.

**4. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

**4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 9 TAHUN 2020 (PENGAL 2018/2020)**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis Bilangan 10 Tahun 2020 bagi pengal 2018/2020 bertarikh 30 Oktober 2020 disahkan tanpa pindaan.

**5. LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 9 TAHUN 2020 (PENGAL 2018/2020) YANG TELAH DIADAKAN PADA 30 OKTOBER 2020.**

Tiada.

**6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.**

**6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 19 NOVEMBER 2020.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (108))**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Ketua Penolong Pengarah (Perolehan), MBPJ.**

**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 4 NOVEMBER 2020 DAN 19 NOVEMBER 2020.**

**(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (50))**

**(RUJ: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (52))**



6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.**

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALU LINTAS BERTARIKH 11 NOVEMBER 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 3 (52))**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.**

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 13 NOVEMBER 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 3 (55))**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pehidmatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.**

**6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 16 NOVEMBER 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD. 4 (92))**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Perbendaharaan, MBPJ**

**6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 17 NOVEMBER 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 JLD. 2 (80))**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan seperti berikut:

Tambahan perkara (l) di muka surat 7 seperti berikut:

- l) Berhubung dengan penanda aras-penanda aras yang dicadangkan untuk Pelan Induk oleh Clouston Design Studio, Sr. N.K Thayalan memohon supaya kajian dan syor-syor mengambil contoh di Singapura dalam hal SOP

pelaksanaan projek landskap. Beliau berpendapat walaupun Pelan Induk adalah pelan konseptual yang terbaik untuk Petaling Jaya, pencapaiannya bergantung kepada pelaksanaan dan SOP penyelenggaraan yang terbaik yang perlu dimasukkan dalam Pelan Induk.

Tambahan perenggan bagi perkara 7.2.1 di muka surat 12 seperti berikut:

YBhg. Datuk Pengerusi mengarahkan agar jabatan terlibat memaklumkan dan membuat aduan berkaitan perkara ini kepada pihak MBSA dan Jabatan Veterinar untuk tindakan selanjutnya..

**Tindakan : Pengarah Jabatan Landskap, MBPJ**

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 17 NOVEMBER 2020. RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 3 (76))**

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan seperti berikut:

Pindaan bagi perkara 7.1.1 di muka surat 16 seperti berikut:

Encik Farhan Haziq bin Mohamed memohon tambahan satu lagi rumah buku di Taman Aman kerana mempunyai permintaan daripada orang ramai.

**Tindakan : Timbalan Pengarah Sumber Manusia, MBPJ.**

**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 18 NOVEMBER 2020. RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 3 (53))**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan seperti berikut:

Pindaan bagi perkara 6.12.1 perenggan 3 di muka surat 169 seperti berikut:

... premis di Taman Kanagapuram, Seksyen 18/6 yang terlibat ditangguhkan sehingga permohonan menukar zon gunatanah daripada perdagangan terhad ('limited commercial') kepada

perniagaan pada Pengubahan 3, Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (RTPJ 2) diputuskan melainkan baki Seksyen 18 yang lain diambil tindakan dengan mengeluarkan notis.

**Tindakan : Pengarah Jabatan Perancangan dan Pembangunan MBPJ.**

**6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 18 NOVEMBER 2020.  
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (141))**

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

**Tindakan : Timbalan Pengarah Sumber Manusia, MBPJ.**

**7. PEMBENTANGAN KERTAS KERJA**

**7.1 Kertas Kelulusan Cadangan Penyeragaman Pindaan Perintah Tetap Mesyuarat di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).**

7.1.1 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan kertas kerja yang dibentangkan oleh Penolong Pengarah Pengarah Kanan Undang-Undang iaitu:

a) Surat daripada Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor (SPBT), nombor rujukan (1)IPK.SEL.SPBT.100-1/13/1 bertarikh 22 Oktober 2020 memaklumkan pihak mereka telah menerima cadangan daripada Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) untuk meminda Perintah Tetap Mesyuarat bagi memasukkan peruntukan baharu berhubung kaedah melaksanakan mesyuarat secara dalam talian dan/atau apa-apa kaedah lain yang difikirkan wajar dan sesuai selaras dengan Seksyen 29, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

b) Justifikasi yang dikemukakan oleh MBSJ untuk meminda peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

i) Pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 telah mengubah

kaedah bekerja di premis kerajaan dan swasta. Banyak mesyuarat tidak dapat dilaksanakan mengikut prosedur dan kaedah sedia ada di mana semua urusan pejabat perlu dilaksanakan secara bekerja daripada rumah.

- ii) Walaupun dalam tempoh PKP, pihak PBT masih perlu bermesyuarat bagi menjalankan urusan pentadbiran, fungsi dan perkhidmatan selaras dengan kehendak Seksyen 20, Akta Kerajaan Tempatan 1976.
- iii) Kaedah mesyuarat dalam talian adalah merupakan kaedah yang membolehkan mesyuarat diadakan tanpa kehadiran secara fizikal di pejabat dan ianya berfungsi seperti pengendalian mesyuarat secara fizikal.
- iv) Tiada peruntukan yang jelas berkenaan punca kuasa untuk mengadakan mesyuarat dalam talian di mana ketiadaan peruntukan tersebut boleh menyebabkan tindakan PBT adalah ultra vires dan keputusan menjadi tidak sah di atas kecacatan prosedur.
- v) Majlis boleh mengadakan peruntukan berhubung dengan mesyuarat dalam talian bagi memantapkan pengawal seliaan perjalanan mesyuarat seperti yang diperuntukkan oleh Seksyen 29, Akta 171 tersebut sekiranya keperluan berbangkit mengikut budi bicara Datuk Bandar dalam hal-hal kecemasan seperti sekatan perjalanan, darurat, kekangan keberadaan di pejabat Majlis dan sebagainya.
- vi) Pindaan ini adalah amat perlu bagi memastikan kehendak Seksyen 20, Akta 171 dapat dipatuhi. Seterusnya, dengan pindaan ini, mesyuarat Majlis masih boleh diadakan walaupun pada waktu kecemasan dan darurat dan keputusan yang dibuat tidak akan mempunyai kecacatan prosedur dan bagi mengelakkan implikasi perundangan.
- vii) Cadangan pindaan Perintah Tetap ini telahpun dimaklumkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Perundangan pada 28 Oktober 2020 dan secara prinsipnya mesyuarat bersetuju dengan cadangan pindaan tersebut.

- c) Ringkasan berhubung perkara-perkara yang akan dipinda adalah seperti di lampiran 2 di dalam kertas cadangan.
- d) Mesyuarat Majlis adalah disyorkan untuk meluluskan cadangan pindaan Perintah Tetap Mesyuarat dengan memasukkan peruntukan baharu berhubung kaedah melaksanakan mesyuarat dalam talian dan/atau apa-apa kaedah lain yang difikirkan wajar dan sesuai.
- e) YBhg. Datuk Pengerusi turut memaklumkan agar satu majlis menyediakan borang pengesahan kehadiran atas talian yang diisi oleh Ahli Mesyuarat sebelum mesyuarat bersidang bagi bukti kehadiran. Selain daripada itu, kaedah pengesahan kehadiran di atas talian boleh dibuat sebelum mesyuarat bersidang.
- f) Encik Farhan Haziq bin Mohamed mencadangkan agar pindaan tersebut mengambilkira ke atas mesyuarat yang telah dijalankan di atas talian sebelum ini.
- g) Encik Derek John Fernandez memaklumkan Mesyuarat Majlis perlu memutuskan sama ada majlis boleh mengadakan mesyuarat secara dalam talian atau tidak sementara menunggu keputusan Kerajaan Negeri.

#### 7.1.2 Mesyuarat mengambil keputusan untuk:

- a) Secara dasarnya mesyuarat bersetuju meluluskan cadangan pindaan Perintah Tetap Mesyuarat dengan memasukkan peruntukan baharu berhubung kaedah melaksanakan mesyuarat di dalam talian dan/atau apa-apa kaedah lain yang difikirkan wajar dan sesuai.
- b) Walaupun bermesyuarat secara di dalam talian, etika berpakaian dan persekitaran hendaklah sepertimana yang ditetapkan di dalam Perintah Tetap Mesyuarat.
- c) Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Majlis yang diadakan secara di dalam talian sebelum ini dan sehingga pindaan perintah tetap mesyuarat ini diwartakan, adalah sah di sisi undang-undang.
- d) Pengarah Perundangan diminta menyediakan borang pengesahan kehadiran mesyuarat secara talian/fizikal untuk diedarkan oleh Urusetia Mesyuarat sebelum mesyuarat bersidang sebagai pengakuan kehadiran secara dalam talian/fizikal.

## 8. UCAPAN PENANGGUHAN

### 8.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ

Tahun ini merupakan tahun cabaran bagi penduduk Petaling Jaya dan dunia dengan penularan pandemik Covid-19 yang melemahkan ekonomi dunia. Akan tetapi penduduk di Selangor mengalami masalah berganda dengan isu pencemaran sumber air. Walaupun isu ini merupakan isu tahunan bagi penduduk Selangor, akan tetapi ia menjadi isu bulanan pada tahun ini. Isu air ini menambah beban kepada masyarakat di dalam menjalani kehidupan dan menjejaskan kualiti kesihatan penduduk.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Selangor yang telah meluluskan Rang Undang-Undang Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (Pindaan) 2020 dengan meminda beberapa seksyen dan memasukkan beberapa seksyen baharu ke dalam Enakmen sedia ada. Selangor adalah negeri pertama yang membuat pindaan untuk menyelesaikan masalah yang timbul. Antara pindaan yang dimasukkan adalah kesalahan pencemaran air yang disebabkan oleh bau dan rasa, menaikkan jumlah denda minima kepada dua ratus ribu ringgit dan maksima tidak melebihi satu juta ringgit. Hukuman penjara juga akan menjadi hukuman mandatori.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang akan membuat pindaan ke atas Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) bagi mempertingkatkan penguatkuasaan dalam membendung insiden pencemaran sumber air. Antara pindaan adalah berkaitan kuasa menahan orang dan merampas kenderaan yang disyaki mencemarkan lurang kumbahan.

Untuk membantu usaha Kerajaan Negeri dan Persekutuan mencegah pencemaran air, Pihak Berkuasa Tempatan boleh memainkan peranan seperti berikut:

- a) Cadangan menukar dasar pembangunan di dalam OSC dan Perancangan Bandar dengan mewajibkan setiap projek baru melibatkan rumah murah, apartmen atau kondominium menyediakan tangki air yang boleh tahan sehingga lima (5) hari untuk simpanan air. Buat masa sekarang tangki yang dibekalkan tahan hanya dua (2) hari sahaja.
- b) Mengawal pengeluaran lesen kepada kilang-kilang dan bangunan komersial dan setiap pemegang lesen diminta untuk

menyenaraikan jenis aktiviti yang dijalankan dan bagaimana bahan kumuhan dibuang atau diselenggara. Jabatan berkaitan boleh mendapatkan kerjasama daripada Jabatan Alam Sekitar untuk menyenaraikan atau cara penyelenggaraan bahan kumbahan.

Tambahan syarat dalam lesen pengendali makanan perlu bagi mengetahui cara bahan buangan diselenggara.

c) Meningkatkan kempen pencemaran air.

YBhg. Datuk pengerusi mengulas sejak akhir-akhir ini kerap berlaku masalah air yang melibatkan lebih satu (1) juta pemegang akaun terkesan dengan masalah ini.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada pasukan PANTAS dan Jabatan Penguatkuasa yang mengambil tindakan segera dalam menangani isu air yang melanda Petaling Jaya. Bilik gerakan air ditubuhkan untuk mengatasi masalah air yang dijangka melebihi satu (1) hari bagi menyalurkan bantuan kepada penduduk Petaling Jaya.

Majlis turut membeli tambahan tangki air sebanyak 16 unit untuk ditempatkan bagi kegunaan anggota yang bertugas 'road block' dan menggantikan tangki yang rosak. Majlis turut mempunyai tiga (3) buah lori tangki air untuk menyalurkan bantuan manakala dua (2) buah lori tangki lagi digunakan untuk menyiram pokok.

YBhg. Datuk Bandar berharap agar tiada lagi masalah gangguan air di Selangor terutama akhir tahun ini.

## 8.2 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK FARHAN HAZIQ BIN MOHAMED

Beliau mengucapkan salam kepada semua ahli mesyuarat dan berterima kasih kerana diberi peluang untuk memberikan ucapan penangguhan pada kali ini.

Tahniah dan syabas kepada pegawai-pegawai Majlis yang selama ini telah banyak membantu menyelesaikan pelbagai masalah dan isu-isu berbangkit terutamanya di kawasan pemantauan beliau.

7.2.1 Tiga (3) perkara penting yang akan disentuh oleh beliau:

i) **Agenda Digitalisasi Selangor**

Beliau merujuk kepada Belanjawan Selangor 2021 yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor pada 13 November 2020.

Salah satu agenda pertama yang ditekankan adalah Agenda Digitalisasi Selangor. Ia merangkumi pelbagai aspek termasuk memperluaskan aspek penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Oleh itu, mengambil fokus kerajaan Negeri Selangor kali ini, beliau percaya ia perlu dimulakan dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan mengaplikasikannya dalam urusan seharian terutamanya apabila melibatkan urusan di antara Majlis dengan Ahli Majlis, kakitangan dan juga penduduk sekitar.

a) Mewujudkan Portal Khas Atas Talian Bagi Ahli Majlis

Beliau mencadangkan agar majlis dapat menyediakan satu portal khas atas talian (online) kepada Ahli Majlis dan Pembantu seperti Portal Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) yang telah diuruskan oleh Jabatan Penguatkuasaan. Portal ini telah memudahkan proses permohonan geran PKKPJ kepada persatuan penduduk, Rukun Tetangga. Perbadanan Pengurusan dan JMB.

Portal Ahli Majlis ini perlu diwujudkan untuk memastikan segala informasi, dokumen dan surat-menyurat dikemaskini dan dikumpulkan dalam satu portal tersebut. Portal ini akan memudahkan Ahli Majlis untuk menyemak baki peruntukan, butiran penyerahan sumbangan, status sumbangan, rekod surat-menyurat, rekod dokumen-dokumen penting Ahli Majlis, semakan bayaran elaun bulanan, status permohonan dan pembayaran tuntutan semula serta rekod jadual mesyuarat. Kesemua urusan ini sebenarnya boleh diuruskan secara atas talian tanpa perlu dicetak dan dihantar secara fizikal kepada Ahli Majlis.

Ahli Majlis juga perlu proaktif untuk sentiasa menyemak portal ini bagi mendapatkan status dan maklumat terkini berkaitan urusan Ahli Majlis dan Pembantunya.



Malah, portal tersebut juga boleh diletakkan kesemua minit mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Majlis yang telah diluluskan untuk rujukan Ahli-Ahli Majlis. Ia juga boleh dilengkapi dengan Akta-Akta berkaitan, Undang-Undang Kecil, Bajet Tahunan MBPJ dan sebagainya. Ia amat berguna kepada Ahli-Ahli Majlis yang baru dilantik.

Langkah ini sekiranya dilaksanakan dapat menjimatkan kos dan mengurangkan penggunaan kertas oleh Majlis. Malah, surat-surat ini lebih segera diterima oleh Ahli Majlis sekiranya diletakkan di dalam portal berbanding sebelum ini yang mana surat-surat tersebut kadangkala lewat diterima.

Hal ini juga memudahkan urusan Urusetia dan Perbendaharaan tanpa perlu Ahli Majlis atau Pembantu sentiasa datang ke pejabat secara fizikal atau menghubungi Urusetia apabila mahu mengetahui baki peruntukan, status pembayaran dan sebagainya.

Dalam memacu agenda digitalisasi di Selangor ini, Majlis perlu mengambil langkah proaktif untuk menggalakkan urusan di atas talian ('online') dan membudayakan amalan ini di kalangan kita.

b) Penambahbaikan Sistem E-Aduan MBPJ

Perkara kedua yang juga di bawah Agenda Digitalisasi Selangor, adalah mengenai sistem e-Aduan MBPJ yang kini digunakan secara meluas. Sistem e-Aduan ini cukup mudah bagi penduduk untuk mengisinya dan mengetahui status aduan yang didaftarkan oleh mereka.

Walau bagaimanapun, dalam memastikan Agenda Digitalisasi ini benar-benar komprehensif, beliau mencadangkan agar status e-Aduan ditambahbaik untuk memberikan maklumat sebenar kepada pengadu. Hal ini kerana pemakluman status dalam e-Aduan hanya memaklumkan dua (2) perkara sahaja iaitu 'Sedang Dalam Tindakan' dan 'Selesai'.

Pemakluman standard ini tidak memberikan maklumat sebenar apa tindakan kita di lapangan. Sama ada kita memberi notis, atau perkara tersebut

di bawah agensi kerajaan lain atau sebagainya. Ada juga kes yang mana kita tidak boleh ambil tindakan tetapi kita letak status 'Selesai'. Hal ini memberikan kekeliruan kepada pengadu.

Oleh itu, untuk memastikan khidmat penyampaian Majlis menjadi lebih baik, beliau mencadangkan kita memberikan status tindakan Jabatan berkenaan secara terperinci, tarikh tindakan yang diambil dan jika perlu, gambar-gambar yang berkaitan bagi menunjukkan tindakan yang telah diambil oleh Majlis.

Bagi aduan yang telah selesai, beliau mencadangkan agar kita meletakkan kronologi tindakan yang telah diambil dan sekiranya, aduan tersebut di luar bidangkuasa Majlis atau akan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan, maka, Majlis perlu memaklumkan perkara tersebut kepada pengadu di dalam e-Aduan agar pengadu mengetahui keadaan dan alasan sebenar mengapa tindakan tersebut tidak boleh diambil.

Penduduk di Petaling Jaya adalah penduduk yang berfikiran kritis dan mahukan jawapan bagi setiap aduan mereka ini. Dengan mengubah standard pemakluman status di dalam e-Aduan, beliau percaya penduduk akan lebih memahami dan menghargai tindakan-tindakan kita berdasarkan peruntukan undang-undang. Malah, Majlis akan muncul menjadi antara Majlis yang responsif, inklusif dan informatif.

c) Mengemaskini dan Merangka Usaha Membasmi Kemiskinan Bandar

Yang ketiga adalah berkenaan dengan isu kemiskinan bandar di Petaling Jaya. Beliau membangkitkan isu ini kerana keadaan ekonomi hari ini yang memberi kesan terus kepada penduduk sekitar Petaling Jaya. Ramai yang dibuang kerja, ramai yang pendapatannya dikurangkan dan sebagainya.

Oleh itu, beliau percaya Majlis mempunyai tanggungjawab moral untuk membantu dengan melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan.

Namun, perkara yang paling penting adalah mengemaskini pendaftaran keluarga miskin bandar di Petaling Jaya. Semasa awal pandemik Covid-19, beliau telah menyemak senarai daftar penerima di zon beliau, dan mendapati tiada penerima tersebut dari kawasan beliau.

Beliau berasa sedikit musykil kerana tidak mungkin tiada keluarga miskin bandar di kawasan beliau terutamanya di kawasan flat kos rendah. Semasa beliau memberikan bantuan makanan sempena Covid-19 di kawasan beliau dan sempat membuat banciaan dan mendapati ramai yang masih dalam lingkungan miskin bandar tetapi tidak disenaraikan dalam rekod Majlis.

Oleh itu, beliau mencadangkan lima (5) inisiatif yang boleh dilaksanakan oleh Majlis agar tiada keluarga miskin bandar yang terlepas pandang dan bantuan yang diberikan oleh Majlis benar-benar sampai ke golongan yang disasarkan. Inisiatif-inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

1. Mengemaskini daftar penerima keluarga miskin bandar MBPJ dengan menyemak senarai penerima bantuan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Dewan Negeri dan Ahli-Ahli Majlis di kawasan masing-masing.
2. Memudahkan pendaftaran permohonan keluarga miskin bandar dengan menyediakan borang atas talian atau melaksanakan pendaftaran di kawasan zon Ahli Majlis dengan kerjasama persatuan penduduk, Rukun Tetangga, JMB atau Perbadanan Pengurusan. Adalah lebih baik, kita pergi kepada mereka untuk memudahkan pendaftaran daripada menunggu mereka hadir ke pejabat kerana barangkali ramai yang tidak mengetahui mengenai program bantuan ini.
3. Merangka program-program yang memberi galakan perniagaan kepada mereka yang mendaftar dalam program bantuan ini.
4. Merangka latihan keusahawanan terutamanya dalam aspek pemasaran digital kepada mereka yang telah pun mempunyai perniagaan.

5. Merangka program khas untuk membantu anak-anak dari keluarga miskin bandar terutama dalam penguasaan ilmu asas pendidikan dan penguasaan bahasa bagi memastikan anak-anak mereka tidak ketinggalan dalam pendidikan.

Beliau berharap ketiga-tiga perkara yang dibangkitkan ini dapat diambil perhatian oleh Majlis dan dilaksanakan bagi memastikan Petaling Jaya kekal menjadi sebuah bandar yang berdaya huni, mampan dan inklusif.

YBhg Datuk Pengerusi menyokong Agenda Digitalisasi Selangor yang turut menjadi satu agenda semasa retreat EXCO.

Beliau mengulas terlalu banyak program miskin bandar yang dibuat sehingga menimbulkan elemen pembaziran. Beliau berharap agar ada penyelarasan ke atas perkara tersebut bagi mengelakkan pembahagian secara berulang kepada orang yang sama.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.13 tengahari. YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir.



**(HJH. AZLINDA BINTI AZMAN, SIS, PPT),**  
Setiausaha,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 2 November 2020.

**LAMPIRAN KEHADIRAN****HADIR:**

1. YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar, D.P.M.S., S.M.S.,  
Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
2. Puan Hjh. Azlinda binti Azman, S.I.S., P.P.T.,  
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
3. Encik Terence Tan Teck Seng,  
Ahli Majlis, MBPJ.
4. Encik Suriase a/l Gengiah,  
Ahli Majlis, MBPJ.
5. Encik Zamri bin Mohamad,  
Ahli Majlis, MBPJ.
6. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, P.J.K.,  
Ahli Majlis, MBPJ.
7. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K.,  
Ahli Majlis, MBPJ.
8. Encik Ong Swee Long,  
Ahli Majlis, MBPJ.
9. Encik Derek John Fernandez, P.J.K.,  
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Puan Elaine Magdaline Nathaniel,  
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Wong Swee Sang,  
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Puan Ermeemarianna binti Saadon,  
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,  
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Anwar bin Nekhan,  
Ahli Majlis, MBPJ.

15. Encik Chan Pak Keung,  
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Y.M. Raja Fairuz binti Raja Mazlan,  
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Loyis Anak Uding,  
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Ong Yew Thai,  
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Puan Quratulain Atiqah binti Norzahirul Anuar,  
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Tuan Sr. Thayalan a/l Krishnasamy,  
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Farhan Haziq bin Mohamed,  
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Puan Sakinah Bibi Nagoor,  
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Puan Rahibah binti Che Omar,  
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Encik Ridzuan bin Hj. Ahmad @ Awang  
Ahli Majlis, MBPJ.
25. Puan Rozazitah binti Hj. Ahmad  
Ahli Majlis, MBPJ.

**TIDAK HADIR :**

1. Encik Leong Chee Cheng, (dengan maaf)  
Ahli Majlis, MBPJ.

**HADIR BERSAMA:**

1. Puan TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali, P.P.T.,  
Timbalan Setiausaha,  
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.

**SULIT**

2. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, A.M.S., P.P.T.,  
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
3. Puan Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah, A.M.S.,  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
4. Tuan Ir. Haji Ismail bin Shafie, A.M.S.,  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
5. Ybhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, P.P.T., M.R.I.S.M,  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
6. Puan Azizah binti Kosni,  
Wakil Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
7. Puan Hamidah binti Hj. Ariffin, P.P.T.,  
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
8. Tuan LAr. Dr. Badruzaman bin Jaafar,  
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
9. Puan Mahzura binti Mohd Amin,  
Penolong Pengarah Kanan,  
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K.,  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S.,  
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,  
Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Ruzaida binti Tormodi,  
Wakil Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S.,  
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
15. Puan Haniza binti Abdul Hamid, P.P.T.,  
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
16. Puan Hjh. Norlida binti Md. Isa, P.J.K.,  
Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.



17. Puan Tee Tzu Fong,  
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
18. Puan Sr. Jayanthi a/p Kupusamy,  
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.

**TURUT HADIR:**

1. YB Tuan Halimey bin Abu Bakar,  
ADUN Seri Setia.

**URUSETIA :**

1. Puan Haslida binti Samat, PPS,  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Pentadbiran Am dan Urusetia),  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
2. Puan Roziah binti Mohd Din,  
Pembantu Tadbir Kanan,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
3. Puan Nur Zaidah binti Abd. Kadir,  
Pembantu Tadbir,  
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,  
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.